

SYIAH RAFIDHAH DALAM PUISI-PUISI IMAM AL-SHAFI'I R.H.M (SHI'ITE RAFIDHAH IN THE POETRY OF IMAM SHAFI'I R.H.M)

NAJIHAH ABD. WAHID^{1*} DAN ASYRAF HJ AB RAHMAN²

¹Pusat Pengajian Tamadun dan Pendidikan Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, 21300 Kuala Terengganu, Terengganu.

²Jabatan Kenegaraan dan Peradaban, Pusat Pendidikan Asas dan Liberal, Universiti Malaysia Terengganu, 21030 Kuala Terengganu, Terengganu.

*Corresponding author: anajihah@unisza.edu.my

Abstrak: *Diwan al-Shafi'i* adalah himpunan antologi puisi Imam al-Shafi'i r.h.m yang sarat dengan pelbagai tema dan persoalan. Ia mengandungi lebih kurang 150 teks puisi ungkapan beliau dengan pelbagai isu dan pemikiran yang diketengahkan. Kertas kerja ini membincangkan beberapa teks puisi Imam al-Shafi'i r.h.m (150H-204H) yang menyentuh tentang Syiah Rafidhah dan keagungan terhadap Saidina Ali r.a. Teks-teks ini perlu diperbahaskan serta diperhalusi bagi mengetahui pendirian Imam al-Shafi'i r.h.m berkaitan isu Syiah. Pendirian beliau mungkin disalah tafsir lantaran ungkapan-ungkapan puisi yang diutarakan dilihat cenderung kepada aliran Syiah Rafidhah. Dengan menggunakan pendekatan analisis tekstual, kertas kerja ini cuba menganalisis ungkapan Imam al-Shafi'i dengan menghuraikan maksud di sebalik ungkapan beliau dalam beberapa teks puisi. Hasil kajian mendapati ungkapan-ungkapan puisi Imam al-Shafi'i r.h.m tidak mendukung fahaman Syiah Rafidhah walaupun terdapat ungkapan-ungkapan yang menjurus kepada fahaman tersebut. Bahkan, kecintaan beliau terhadap ahl Bayt termasuk Saidina Ali r.a adalah sejajar dengan kehendak al-Quran dan Hadis.

KATA KUNCI: Puisi Islam, Imam al-Shafi'i, syiah.

Abstract: *Diwan al-Shafi'i* is an anthology of Imam al-Shafi'i's poetries with variety of themes and issues implemented. The *diwan* contains not more than 150 poems presented his ideas and thoughts. This paper discusses the Shi'ite Rafidhah in the poetry of Imam al-Shafi'i r.h.m (150H-204H) and his attention to Saidina Ali r.a. The discussion is so important as it tends to clarify Imam al-Shafi'i's stance in regards to Shi'ite issues. Imam al-Shafi'i's poems might be misinterpreted because the expressions of his poetry seemed to support Shi'ite Rafidhah. Using textual analysis approach and interpretation, the study attempts to analyze the meaning of his expression. The study shows that the expressions of Imam al-Shafi'i poetry about Shi'ite Rafidhah do not indicate his support to Shi'ite. Rather, his expression indicates his love to all Prophet's family (ah l-Bayt) and companions including Saidina Ali r.a and this is in line with the teachings of the Quran and Hadith of the Prophet (pbuh).

KEYWORDS: Islamic poetry, Imam al-Shafi'i, shi'ite.

Pengenalan

Diwan al-Shafi'i banyak menghimpunkan ungkapan-ungkapan puisi Imam Shafi'i r.h.m yang menggambarkan latar kehidupan dan pemikiran beliau terhadap beberapa isu ummah pada zaman beliau. Isu Syiah Rafidhah adalah antara isu yang agak menonjol pada zaman beliau. *Al-Rafidhah* bermaksud kumpulan yang menolak. Syiah al-Rafidhah atau disebut Syiah

Imamiyyah al-Rafidhah adalah mereka yang menolak kekhalifahan dan keutamaan Abu Bakar, Umar dan Uthman (Fairuz Abadi, 1997: 829).

Dalam era perkembangan mazhab al-Shafi'i r.h.m (150H-204H), fahaman Syiah Rafidhah telah berkembang di bawah pemerintahan Bani Abbasiyyah (57H-565H) (Muhammad Abu Zahrah, 2010: 126). Syiah Rafidhah sangat

berpengaruh pada ketika itu dan Imam al-Shafi'i r.h.m berulang kali menyebut tentangnya dalam rangkap-rangkap puisi beliau yang disusun dalam *Diwan al-Shafi'i*. Dengan riwayat lain yang sah, al-Razi (2003: 77-78) dan al-Ajami (2008: 266) menukikan dalam karya mereka bahawa Imam al-Shafi'i r.h.m telah dipenjarakan kerana tuduhan Syiah dan telah dibawa menghadap khalifah Harun al-Rasyid. Selepas perdebatan dan soal jawab dengan khalifah, Imam al-Shafi'i r.h.m telah dibebaskan daripada tuduhan tersebut.

Pada hari ini, kenyataan pimpinan Syiah yang mengaitkan ungkapan Imam al-Shafi'i r.h.m sebagai pendukung Syiah dapat disaksikan di laman-laman maya yang menjadi medium dakyah Syiah. Sebagai contoh, paparan di *youtube* seperti pautan ini, www.youtube.com/watch?v=asmeoia-shafie *اسمعوا يا الشافعية الإمام الشافعي ماذا يقول عن الشيعة; الإمام الشافعي يقول افتخر من سميني رافضي* (10 Julai 2013) telah mengaitkan ungkapan beliau dengan tuduhan Syiah Rafidhah. Lantunan puisi Imam al-Shafi'i r.h.m pula mengandungi ungkapan simbolik yang boleh ditafsirkan mengikut selera pandangan pelbagai pihak.

Justeru, dengan mengaplikasi metod analisis tekstual, beberapa teks puisi dibahaskan bagi mengelak sebarang kekeliruan yang mungkin timbul berkaitan pendirian dan pemikiran Imam al-Shafi'i r.h.m. tentang Syiah Rafidhah¹. Perbincangan dalam kertas ini adalah bertujuan untuk memberi pencerahan terhadap maksud ungkapan Imam al-Shafi'i r.h.m dan pendirian beliau berhubung isu Syiah.

Definisi Syiah dari Sudut Bahasa

Para sarjana Islam telah memberikan beberapa tafsiran berkaitan Syiah dari sudut epistemologi. Secara umumnya, Syiah (شيعة) disebut sebagai (شيعة الرجل), yang membawa maksud pengikutnya (أتباعه) pendokongnya atau

penolongnya (أنصاره) dan puaknya semata-mata (على حدة الفرقة). Ia diungkap untuk seorang atau dua orang atau ramai, lelaki dan wanita (Ibn Manzur 2003: 8/189).

Syiah dari sudut bahasa membawa pengertian pembantu, penolong, pendokong atau puak tertentu. Pengertian yang membawa maksud pembantu atau penolong adalah seperti mana dinyatakan dalam Surah al-Safaat ayat 83 sebagaimana berikut:

وَأَنَّ مِنْ شِيعَتِهِ لِإِبْرَاهِيمَ

Dan sesungguhnya di antara orang-orang yang membantu menegakkan ajaran (yang dibawa oleh Nabi Nuh) ialah Nabi Ibrahim.

FirmanNya lagi:

فَأَسْتَعَاثَهُ الَّذِي مِنْ شِيعَتِهِ عَلَى الَّذِي مِنْ عَدُوِّهِ

Maka orang yang dari golongannya meminta tolong kepadanya melawan orang yang dari pihak musuhnya (Al-Qasas:15).

Syiah dalam Ungkapan Puisi Imam al-Shafi' i r.h.m

Diwan al-Shafi'i mengandungi antara 122 hingga 167 teks puisi Imam al-Shafi'i r.h.m. Dari jumlah teks puisi ini, sekurang-kurangnya 4 teks puisi dapat dikaitkan dengan isu Syiah Rafidhah. Sementara itu, dua teks ungkapan Imam al-Shafi'i r.h.m telah menyebut dengan jelas tentang Syiah dan sanjungan terhadap Saidina Ali. Ciri-ciri ini melengkapkan tuduhan Syiah Rafidhah ke atas beliau. Karya agung *Manaqib al-Shafi'i* oleh al-Razi (2003: 76-78) mencatatkan bahawa ungkapan-ungkapan ini telah membawa kepada tuduhan Syiah Rafidhah ke atas Imam al-Shafi'i r.h.m. Antara ungkapan yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

أنا الشيعي في ديني وأصلي بمكة ثم داري عسقلية

Aku 'syi'i' pada agama dan keturunanku, di Mekah kemudian di tanah airku Asqalan (Mujahid Mustafa Bahjat, 2003: 123)

¹ Demikian juga laman-laman rasmi syiah banyak melontarkan pelbagai bentuk tohmahan palsu ke atas beliau seperti laman www.shiavoice.com; www.shiaweb.org; www.shia-explained.com; <http://syiahnews.wordpress.com>. Dilayari pada 10 Julai 2013.

Ungkapan di atas seolah-olah merujuk pada pengakuan Imam al-Shafi'i r.h.m. sebagai pendukung Syiah Rafidhah. Andaian Imam al-Shafi'i r.h.m. sebagai pendukung Syiah ini diperkuat lagi dengan satu lagi ungkapan puisi beliau tentang Saidina Ali r.a yang berbunyi:

إنا عبید لفتی أنزل فيه : هل أتى
إلى متى أكتمه؟ إلى متى؟ إلى متى؟

Sesungguhnya kami adalah abid (hamba) bagi seorang pemuda (Saidina Ali) yang telah Allah turunkan ayat padanya: Adakah telah datang.... Hingga saat bila harus aku sembunyikan... hingga bila? hingga bila? (Mujahid Mustafa Bahjat, 2003: 129).

Sanjungan melampau dan berlebih-lebihan terhadap Saidina Ali r.a adalah antara doktrin utama Syiah Rafidhah sejak dahulu lagi.

Dalam menganalisis teks puisi di dalam ungkapan *أنا الشيعي في ديني وأصلي*, penulis cenderung untuk mentafsirkan *الشيعي* memberi maksud penolong, pembantu atau pendokong dengan beberapa alasan:

Pertama, tidak ada *qarinah*² dalam rangkap *أنا الشيعي في ديني وأصلي* yang menunjukkan bahawa terma Syiah di sini merujuk kepada kumpulan Syiah pelampau yang ada pada zamannya atau hari ini.

Kedua, tafsiran dari sudut bahasa³ yang memberi makna penolong, pembantu atau pendokong agama dan kerabat keluarga adalah sesuai dengan struktur ayat dan tidak mencatitkan maksud keseluruhan puisi tersebut. Justeru itu, ungkapan *أنا الشيعي في ديني وأصلي* memberi maksud bahawa Imam al-Shafi'i r.h.m sangat membantu agamanya dan keturunannya sama ada yang berada di Mekah atau di kampung halamannya, Asqalan.

Ketiga, dalam kebanyakan ungkapan puisi-puisi berkaitan Syiah selain daripada dua teks di atas, kumpulan Syiah pelampau telah disebut dengan jelas oleh Imam al-Shafi'i r.h.m dengan nama kumpulan Syiah itu sendiri seperti *Rafidhi, Rifdhi atau Rafidhah* dalam ungkapan puisi beliau. Sebagai contoh, teks puisi-puisi di bawah menyebut perkataan *Rafidhi, Rifdhi atau Rafidhah* yang merujuk kepada kumpulan Syiah Rafidhah:

إن كان رفضا حب آل محمد فليشهد الثقلان أني رافضي

Jika mencintai keluarga Muhammad digolongkan sebagai Rafidhi, maka hendaklah al-Quran dan Hadis menyaksikanku bahawa aku termasuk dalam golongan Rafidhi.

Selain daripada rangkap ini, terdapat dua lagi rangkap yang juga menggunakan istilah tersebut:-

حب علي وسبطيه وفاطمة

إذا في مجلس نذكر عليا وسبطيه وفاطمة الزكية

يقال تجاوزوا يا قوم هذا فهذا من حديث الرافضية

برئت إلى مهيمن من أناس يرون الرفض حب الفاطمية

Di tengah kumpulan yang banyak, sering kusebut nama 'Ali bin Abi Talib, kedua puteranya (Hasan dan Husin) dan Fatimah yang suci,

Lalu ada yang mengatakan: Jauhilah perkara tersebut wahai manusia kerana ini adalah percakapan Syiah Rafidhah,

Aku memohon perlindungan Allah dari tuduhan itu. Mereka menuduh seseorang sebagai pengikut Rafidhah, hanya kerana mencintai Fatimah.

Justeru itu, dengan analisis tekstual ini, penulis cenderung untuk mentafsirkan istilah *الشيعي* sama sekali tidak merujuk kepada kumpulan Syiah Rafidhah, bahkan ia adalah tafsiran dari sudut bahasa semata-mata.

² Qarinah memberi maksud hubungan yang wujud antara perkataan-perkataan dalam sesuatu ayat dan ia adalah salah satu aspek dalam retorika Arab. Kewujudan qarinah akan memberi makna sebaliknya (makna tersirat), selain makna zahir dalam ayat.

³ Seperti yang telah dibincangkan sebelum ini.

Keempat, maksud asal perkataan Syiah dari aspek bahasa ini, yang memberi maksud penolong atau pembantu, juga pernah diungkapkan sendiri oleh Hasan Ibn Ali (cucu Rasulullah SAW) dengan katanya: *Demi Allah, Muawiyah adalah lebih baik daripadaku dari mereka yang kononnya mendakwa sebagai Syiahku* (Ibn Umar, 1987: 35). Demikian juga ungkapan Abu Hasan Musa al-Asyhari yang berbunyi: *Kalaulah diasingkan Syiahku, maka tiada aku dapati melainkan beberapa orang sahaja* (Ibn Umar, 1987: 35).

Kelima, dua contoh ayat al-Quran seperti yang telah dinyatakan pada awal perbahasan, turut mengaplikasikan pengertian yang sama iaitu penolong dan pembantu dalam urusan tertentu. Dengan itu, tidak menjadi satu kesalahan dan bukan perkara yang janggal apabila kita mentafsirkan الشيعي sebagai penolong atau pembantu berdasarkan kesesuaian ayat.

Dengan demikian, penyelidik cenderung untuk menilai bahawa terma Syiah dalam teks *أنا الشيعي في ديني وأصلي* di atas membawa maksud dan pengertian dari sudut bahasa iaitu pembantu atau penolong.

Sementara puisi kedua yang menguatkan dakwaan Syiah iaitu puisi tentang Saidina Ali r.a dengan ungkapan *إنا عبيد لفتى أنزل فيه هل أتى* pula tidak wajar ditafsirkan sebagai pendokong Syiah dengan beberapa analisis seperti di bawah:-

Pertama: Maksud tersirat di sebalik ungkapan *هل أتى* dalam puisi ini yang merujuk kepada permulaan surah al-Insan ayat 8:

وَيُطْعَمُونَ الطَّعَامَ عَلَىٰ حُبِّهِ مِسْكِينًا وَيَتِيمًا وَأَسِيرًا

Dan mereka memberikan makanan yang disukainya kepada orang miskin, anak yatim dan orang yang ditawan.

Puisi ini dilagukan oleh Imam al-Shafi'i r.h.m dengan menyandarkan kepada potongan ayat Quran di atas di mana Allah SWT sendiri memuji

tindakan Saidina Ali r.a yang sanggup memberi makan kepada fakir miskin dalam keadaan beliau sangat memerlukan makanan. Melalui riwayat Ibn Abbas diceritakan bahawa ketika Hasan dan Husain jatuh sakit, Saidina Ali r.a, Saidatina Fatimah dan jariah mereka bernazar untuk berpuasa tiga hari jika kedua-duanya sembuh. Apabila Hasan dan Husain sembuh, maka mereka bertiga telah berpuasa. Apabila tiba waktu berbuka puasa, mereka didatangi oleh si miskin, si yatim dan sitawanan secara silih berganti dalam tiga hari berturut-turut. Lalu Saidina Ali r.a memberikan mereka makanan pada ketiga-tiga hari tersebut dan beliau sendiri sanggup berbuka puasa dengan air sahaja tanpa sebarang makanan (al-Qurtubiy: t.th j.19: 116-119). Justeru kerana kebanggaan Imam al-Shafi'i r.h.m terhadap peribadi agung Saidina Ali r.a ini, maka beliau bermadah sedemikian dalam puisi ini. Ayat ini tidak sewajarnya dieksplotasi oleh golongan Syiah pada hari ini untuk kepentingan aliran fahaman mereka.

Kedua: Perkataan عبيد dalam ungkapan *“Sesungguhnya kami adalah abid bagi seorang pemuda (Saidina Ali r.a) yang telah Allah turunkan ayat padanya: Adakah telah datang...”* adalah ungkapan dalam bentuk *majaz*⁴. Justeru, ia tidak membawa pengertian bahawa beliau menghambakan diri kepada Saidina Ali r.a seperti mana yang berlaku pada puak Syiah hari ini. Ungkapan ini dilontarkan kerana kemuliaan peribadi yang telah ditunjukkan oleh Saidina Ali r.a yang sanggup memberi makan kepada fakir miskin dalam keadaan beliau sendiri kelaparan. Oleh kerana sifat agung tersebut, maka Imam al-Shafi'i r.h.m merasakan beliau hanyalah hamba (bukannya raja) jika dibandingkan dengan keagungan peribadi yang dimiliki oleh Saidina Ali r.a.

Ketiga: Keseluruhan maksud puisi tentang Saidina Ali r.a ini tidak boleh dijadikan hujah dengan menuduh Imam al-Shafi'i r.h.m sebagai Syiah, kerana lantunan puisi tersebut tidak langsung dikaitkan dengan aktiviti ritual seperti

⁴ *Majaz* adalah salah satu bentuk retorika Arab yang tidak menggambarkan maksud secara hakikat tetapi mengandungi makna maknawi yang tersirat disebaliknya.

mana yang dilakukan oleh puak Syiah pada hari ini, sehingga sanggup mencederakan diri sendiri dengan memukul tubuh badan mereka kerana kononnya terlalu cintakan Saidina Ali r.a.

Penutup

Kertas kerja ini merumuskan bahawa Imam al-Shafi'i r.h.m dalam ungkapan-ungkapan puisi beliau tidak mensabittkannya sebagai pendokong Syiah. Dua teks puisi yang dibentangkan di awal kertas kerja ini telah memberi pencerahan tentang maksud sebenar di sebalik ungkapan beliau yang mungkin telah disalahtafsirkan oleh sesetengah pihak yang mempunyai kepentingan tertentu. Selain daripada itu, ungkapan puisi selain daripada dua teks di awal perbincangan, juga menunjukkan bahawa Imam al-Shafi'i r.h.m tidak mempunyai kaitan dengan fahaman Syiah Rafidhah yang melampau dalam mengagungkan Saidina Ali r.a. Imam al-Shafi'i r.h.m melontarkan madah memuji Saidina Ali r.a adalah kerana kemuliaan peribadi yang ada pada Saidina Ali r.a.

Penggunaan istilah الشيعي dalam ungkapan puisi Imam al-Shafi'i r.h.m juga adalah wajar dari sudut maksud asal perkataan tersebut. Sementara penggunaan terma عبيد mengandungi maksud sebaliknya dari sudut majaz Arab dengan hujah-hujah yang telah dinyatakan. Hujah-hujah dari beberapa potongan ayat al-Quran juga memberi pencerahan tentang maksud sebenar ungkapan Imam al-Shafi'i r.h.m sekaligus menolak dakwaan-dakwaan yang mensabittkan tuduhan Syiah ke atas beliau menerusi ungkapan-ungkapan beliau di atas.

Rujukan

- Al-Ajami, Abu al-Yazid Abu Zayd al. (2008). *al-Aqidah al-Islamiyyah Inda al-Fuqaha' al-Arba'ah*, Kaherah: Dar al-Salam.
- Al-Asfahani, Abu Nu'aym Ahmad bin Abd Allah. (1992). *Hilyat al-Auliya' wa Tabaqat al-Ashfiya'*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Bayhaqi, Ahmad bin al-Husayn. (1970). *Manaqib al-Shafi'i*. Kaherah: Dar al-Turath.
- Al-Quran dan Terjemahnya, Lembaga Percetakan al-Quran Raja Fahd: Madinah.
- Al-Qurtubiy, Muhammad bin Ahmad al-Ansariy al-Qurtubiy. (t.th). *Al-Jami' li Ahkam al-Quran*: Dar al-Fikr.
- Al-Razi, Fakhrudin Muhammad 'Abd al-Rafman ibn Abi Hatim. (2003). *Adab al-Shafi'i wa manaqibuh*. Lubnan: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Fairuz Abadi, Majd al-Din Muhammad bin Ya'kub. (1997). *al-Qamus al-Muhith*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-Arabiyy.
- <http://syiahnews.wordpress.com>. Diakses pada 10 Julai 2013.
- <http://www.baheth.info/all.jsp?term:> Diakses pada 10 Julai 2013.
- <http://www.darulqauthar.net>: Diakses pada 16 Dis 2012.
- Ibn Manzur, Abu al-Fadhl Jamaluddin Muhammad bin Mukarram. (2003). *Lisan al-Arab*. Misr: Dar al-Sadir.
- Ibnu Umar. (1987). *Hukum Ulama-ulamak Islam Terhadap Syiah*. Kuala Lumpur: Virtue Publication.
- Muhammad Abu Zahrah. (2010). *Imam al-Shafi'i -Pengembaraan Intelektual (terj)*: Kuala Lumpur. Crescent News Sdn. Bhd.
- Mujahid Mustafa Bahjat. (2003). *Diwan al-Shafi'i*. Damsyiq: Dar al-Qalam.
- _____ (1986). *Al-Shafi'i wa al-Shi'r*. Baghdad: Jamiat al-Mawshil.
- Official shia website - www.shiavoices.com; www.shiaweb.org; www.shia-explained.com; www.youtube.com/watch: Diakses pada 10 Julai 2013.